



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
(JURNAL HARIAN)**

**PADA HARI KHAMIS, 11 SYAABAN 1442 / 25 MAC 2021
(HARI KESEBELAS)**

1. DOA SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. KEMAJUAN

2.1.1. Jawatankuasa telah menimbangankan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan iaitu Tajuk SP01A.

2.1.2. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

i. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit

- Ingin mengetahui kedudukan proses pelaksanaan pembinaan masjid bagi kawasan perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Telisai.

- Ingin mengetahui jika ada perancangan selanjutnya bagi pembinaan kawalan sepanjang Kampung Telisai.

ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari

- Ingin mengetahui bila pengairan tambahan penanaman padi akan berfungsi sepenuhnya di Mukim Pengkalan Batu.

iii. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman

- Ingin mengetahui tentang perkembangan untuk pembinaan masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau dan Kampung Meragang sama ada sudah dijalankan pada tahun 2019/2020 yang sudah diluluskan perbelanjaannya.

iv. Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman

- Mencadangkan projek-projek dibawah RKN ke-12 dapat dirancang dan diberigakan dengan lebih jelas dan secara bersatu padu.
- Menekankan agar perancangan strategik dilaksanakan lebih awal dan memohon pihak-pihak Kementerian memantau projek-projek RKN berkenaan secara lebih dekat.

v. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon

- Ingin mengetahui jika projek saliran di kawasan Sungai Akar dimasukkan di dalam peruntukan kemajuan tahun ini.

2.1.3. Tajuk SP01A - Kemajuan telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.2. TAJUK BAB 1 - GELARAN PENDEK DAN PERMULAAN KUAT KUASA AKTA

2.2.1. Akta ini digelar Akta Perbekalan (2021), 2021/2022 dan akan mula berjalan berkuatkuasa pada 1 April 2021.

2.2.2. Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

3. **PERKARA V - RANG UNDANG-UNDANG (2021) PERBEKALAN 2021/2022**

3.1.1. "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2021/2022 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu" telah dipertimbangkan dan diteliti satu per satu dalam Persidangan Jawatankuasa, dan seterusnya dipersetujui tanpa sebarang pindaan.

3.1.2. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mohon izin Yang Berhormat Yang

Di-Pertua untuk Rang Undang-Undang dapat dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya untuk diluluskan.

- 3.1.3. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah menyokong untuk Rang Undang-Undang dibaca bagi kali ketiga.
- 3.1.4. Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyokong sepenuhnya akan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 dan telah diluluskan.
- 3.1.5. Akta Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 telah diluluskan dan Akta ini akan berkuatkuasa mulai daripada 1 April 2021.

4. PERKARA VII - KETETAPAN

- 4.1.1. Ketetapan No. 1 – 17 Perintah Diluluskan Di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959
 - Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan satu ketetapan, iaitu *"Majlis ini membuat Ketetapan menurut Fasal 7 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas No. 1 Tahun 2021 adalah masing-masing mulai dari tarikh perintah-perintah itu diluluskan"*.
 - Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan dipersetujui sebulat suara oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.
- 4.1.2. No.2 - Ketetapan Di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggaj 136)
 - Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mencadangkan satu ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan Penggal 136 bagi Perbelanjaan sejumlah \$600,000,00.00 untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran

Kemajuan 2021/2022 dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2021.

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan dipersetujui sebulat suara oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.

5. PERKARA VII - UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

5.1. Beberapa orang Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan ucapan penungguhan:

1. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri;
2. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama;
3. Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri Pertahanan II;
4. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad;
5. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon;
6. Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii;
7. Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman;
8. Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri;

[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

- 5.2. Majlis Mesyuarat bersidang semula dan menyambung Ucapan-Ucapan Penangguhan. Beberapa orang Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan ucapan penangguhan:
1. Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis;
 2. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong;
 3. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad;
 4. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman;
 5. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu;
 6. Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput;
 7. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari;
 8. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin;
 9. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu;
 10. Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh;
 11. Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung;
 12. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim;
 13. Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan;
 14. Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari;
 15. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

- 5.3. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah menyampaikan Ucapan Penangguhan dan seterusnya menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

[MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN SEHINGGA SATU MASA YANG BELUM DITETAPKAN TARIKHNYA]
